kandungan

5 kata-kata aluan

7 perutusan gabenor

bab 1 — 9 ringkasan eksekutif

bab 2 — 14 visi dan objektif sektor kewangan

kestabilan — 27 ke arah kestabilan dalam sektor kewangan

bab 3 — 31 sektor perbankan

bab 4 — 62 sektor insurans

bab 5 — 77 perbankan islam dan takaful

bab 6 — 87 institusi kewangan pembangunan

bab 7 — 96 kaedah pembiayaan alternatif

bab 8 — 111 IOFC labuan

lampiran — 122 ringkasan saranan
128 glosari

kata-kata aluan

perutusan gabenor

Kata-kata Aluan dari Menteri Kewangan dan Menteri Tugas-tugas Khas

Malaysia berada di ambang fasa pembangunan seterusnya setelah mencapai kemajuan dan kemakmuran ekonomi yang mengkagumkan. Persekitaran baru ini tentunya mencabar dan berbeza dari apa yang kita ketahui dan tempuhi selama ini.

Pelan Induk Sektor Kewangan ini merupakan hala tuju sistem kewangan bagi tempoh 10 tahun akan datang. Ia menggariskan strategi bagi mencapai sebuah sistem kewangan yang berbagai, berkesan, efisien dan berdaya tahan.

Sungguhpun landskap masa depan penuh cabaran dan perubahan, kita masih berpeluang menentukan kaedah paling sesuai serta struktur kewangan yang terbaik.

Dalam mencapai matlamat ini, Pelan Induk Sektor Kewangan telah mengenal pasti elemen utama bagi membentuk asas pembangunan masa depan.

Dalam melangkah ke hadapan, perubahan memerlukan usaha bersepadu kesemua pihak, dari pengguna, pengawalselia dan Kerajaan untuk mengambil langkah yang perlu bagi memenuhi matlamat Pelan Induk Sektor Kewangan. Kerajaan akan terus menyokong proses tersebut.

Saya yakin, dengan pendekatan bersepadu di antara Kerajaan dan sektor swasta tertumpu ke arah matlamat yang sama, wawasan yang terkandung dalam Pelan Induk Sektor Kewangan akan direalisasikan bagi manfaat negara keseluruhannya.

Daim Zainuddin
1 Mac 2001

Perutusan dari Gabenor

Sistem kewangan sejak beberapa dekad yang lepas telah berjaya membantu kejayaan ekonomi Malaysia. Dalam menuju ke alaf baru, peralihan Malaysia ke ekonomi baru – kepada ekonomi yang lebih global, digital dan berasaskan pengetahuan – sistem kewangan perlu berkembang sewajarnya untuk menyokong transformasi dan proses pertumbuhan ini. Sistem kewangan juga beroperasi di dalam era yang pesat berubah, di dalam persekitaran yang dibentuk oleh kemajuan teknologi, oleh trend ke arah persekitaran yang berorientasikan pasaran dan lebih global. Bagi menyahut cabaran di dalam persekitaran baru ini, pembangunan sistem kewangan yang lebih efisien, berdaya saing dan berdaya tahan akan menjadi amat penting supaya dapat menjamin prospek pertumbuhan dan pembangunan yang mapan.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kekukuhan dan ketahanan sektor kewangan telah teruk diuji apabila ia menempuh masalah ekonomi yang runcing dan ketidakstabilan kewangan. Sewaktu krisis kewangan Asia baru-baru ini, kita telah menyaksikan kestabilan sistem kewangan tercabar. Dengan langkah-langkah pembetulan segera yang telah diambil, kestabilan kewangan telah kembali pulih dan Malaysia berjaya muncul semula daripada krisis dalam keadaan yang lebih kukuh.

Peluang kini diambil untuk menetapkan agenda jangka masa sederhana dan jangka masa panjang untuk membina sektor kewangan yang kukuh dan mampu bertindakbalas terhadap keperluan ekonomi yang berubah-ubah serta berdaya tahan dalam menghadapi cabaran persekitaran yang baru di masa hadapan. Dalam konteks inilah Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) telah disediakan bagi menggariskan strategi-strategi untuk pembangunan sektor kewangan.

Objektif pelan ini adalah untuk mewujudkan sistem kewangan yang berdaya saing, berdaya tahan dan dinamik dengan amalan-amalan terbaik yang mampu memenuhi permintaan pengguna dan perniagaan yang semakin canggih, dapat menyesuaikan diri dengan kemajuan teknologi, menghadapi cabaran-cabaran daripada globalisasi dan liberalisasi, mampu bertahan untuk mengharungi kitaran ekonomi, dan seterusnya menyumbang ke arah pertumbuhan dan kestabilan makroekonomi secara keseluruhannya. Dalam mencapai matlamat akhir untuk melahirkan sektor kewangan yang berkesan, efisien dan stabil, setiap blok-blok pembangunan yang sistematik perlu dibangunkan untuk membentuk asas yang kukuh bagi membolehkan kemajuan selanjutnya dibina. Saranan-saranan ini pada mulanya akan tertumpu ke arah mempertingkatkan keupayaan dan kebolehan domestik sebelum memperkenalkan persekitaran yang lebih berdaya saing dan seterusnya menuju ke arah integrasi antarabangsa yang lebih meluas.

Pelan ini telah disediakan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dengan input daripada industri, pakar runding bebas, dan agensi Kerajaan serta syarikat swasta. Pelan tersebut mendapat manfaat daripada proses perundingan yang diterimapakai. Sementara arah strategik telah digariskan di dalam pelan ini, pelaksanaan saranan-saranan akan diuruskan secara fleksibel bagi mencapai objektif yang diinginkan. Pendekatan pelaksanaan saranan-saranan yang digariskan di bawah pelan ini akan dibuat melalui proses pengulangan dengan mengambilkira perubahan yang mungkin berlaku di dalam kedua-dua persekitaran domestik dan luaran serta perubahan teknologi yang mungkin timbul. Kesempatan ini diambil untuk merakamkan setinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin di atas sokongan yang padu dan berterusan yang diberikan kepada BNM dalam menyediakan pelan ini.

Dalam melangkah ke hadapan, pelaksanaan PISK akan merupakan hasil bersama kesemua pihak-pihak yang berkaitan di dalam sektor kewangan – industri, pengawalselia, peserta pasaran dan Kerajaan. Sementara penyediaan PISK ini dimotivasikan oleh keperluan untuk mencapai objektif yang diinginkan, ianya juga akan disesuaikan dengan realiti persekitaran. Kerajaan telah dan akan terus menyediakan prasarana sokongan dan melaksanakan dasar ke arah persekitaran ekonomi dan kewangan yang positif. Saya yakin bahawa dengan orientasi ke arah tanggungjawab dan kesungguhan secara kolektif, visi yang diharapkan di bawah PISK ini akan tercapai.

Zeti Akhtar Aziz
1 Mac 2001

Pendekatan Projek

Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) dirangka oleh Bank Negara Malaysia (BNM) menerusi satu pasukan bersama yang melibatkan beberapa jabatan di dalam BNM. Sebuah jawatankuasa pemandu dalaman yang dipengerusikan oleh Dr. Zeti Akhtar Aziz (ketika itu Timbalan Gabenor) dan terdiri daripada Penolong-penolong Gabenor, dan Pengarah-pengarah Jabatan yang terlibat telah ditubuhkan bagi memantau kerja-kerja yang dijalankan oleh pasukan tersebut.

Untuk memudahkan perundingan dengan industri kewangan mengenai isu-isu spesifik, sebuah Kumpulan Penasihat Industri telah ditubuhkan yang terdiri daripada Ketua-ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah-pengarah Urusan institusi-institusi terpilih. Beberapa sesi rundingan dan perbincangan dengan kementerian-kementerian dan agensi-agensi Kerajaan tertentu, peserta-peserta industri dan pihak-pihak berkepentingan utama yang lain juga telah diadakan mengenai saranan spesifik di dalam PISK. Pendekatan yang telah diambil ialah menentukan pilihan-pilihan terbaik bagi mencapai hala tuju strategik dan objektif dengan penekanan ke atas proses pengulangan, perundingan dan kerjasama. Proses ini dijalankan menerusi siri bengkel kerja/mesyuarat/temuramah dengan peserta-peserta industri mengenai isu-isu berkaitan. Ini termasuk menganalisa trend industri menerusi temuramah luaran dan dalaman, perbandingan antara negara mengenai struktur kewangan alternatif dan laluan liberalisasi, mengenal pasti jurang-jurang kritikal di dalam sistem kewangan, mendefinisikan faktor-faktor kejayaan utama di dalam pembangunan pasaran kewangan dan merangka cadangan alternatif matlamat akhir bagi sistem kewangan Malaysia.

Penghargaan

BNM ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di dalam pembentukan PISK. Input daripada Majlis Tindakan Ekonomi Negara, Jabatan-jabatan Kerajaan dan badan-badan pengawalselia lain, seperti Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan dan Suruhanjaya Sekuriti adalah berharga dalam penyediaan PISK. PISK juga telah mendapat manfaat daripada perbincangan dengan Ketua-ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah-pengarah Urusan institusi-institusi kewangan, pihak pengurusan beberapa institusi tempatan dan asing, serta agensi dan pertubuhan-pertubuhan berikut:

Cagamas Berhad
Institut Bank-Bank Malaysia
Institut Insurans Malaysia
Institut Peniaga Bon Malaysia
Jawatankuasa Perbankan dan Kewangan Islam (di bawah MAPEN II)
Lembaga Pembangunan Labuan
MIMOS Berhad
Perbadanan Pembangunan Multimedia Sdn Bhd
Persatuan Bank-bank Dalam Malaysia
Persatuan Bank-bank Luar Pesisir
Persatuan Bank-bank Saudagar di Malaysia
Persatuan Broker-broker Wang Malaysia
Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia
Persatuan Insurans Am Malaysia
Persatuan Insurans Antarabangsa Labuan
Persatuan Insurans Hayat Malaysia
Persatuan Kebangsaan Ejen-ejen Insurans Hayat Malaysia
Persatuan Syarikat-syarikat Amanah Labuan
Persatuan Syarikat-syarikat Diskaun Malaysia
Persatuan Syarikat-syarikat Kewangan di Malaysia
Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia
Petroliam Nasional Berhad
Sistem Penerbangan Malaysia Berhad
Syarikat Jaminan Kredit Malaysia Berhad
Tenaga Nasional Berhad
Telekom Malaysia Berhad